

13 DEC 2000

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANGGOTA GPMS

PUTRAJAYA, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis berbuka puasa bersama 2,500 anggota Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Masjid Putra di sini, hari ini.

Dr Mahathir bersama jemaah lain kemudiannya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Terawaih di masjid berkenaan.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Ketua Penasihat GPMS serta Presiden GPMS Datuk Suhaimi Ibrahim.

Turut kelihatan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta beberapa tokoh korporat.

Semua anggota GPMS itu terdiri daripada pelajar dan pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara.

Jemputan kemudiannya menikmati jamuan moreh bersama Perdana Menteri.

-- BERNAMA

RZS RZS PR